



## Apa Itu Backup?

“Betapa Pentingnya Backup!”

**Backup** adalah proses membuat salinan pada fail-fail & dokumen-dokumen anda. Salinan tambahan ini dibuat sebagai langkah berjaga-jaga, kerana siapa tahu, esok lusa **Windows** anda akan rosak dan tidak berfungsi. Atau mungkin anda secara tidak sengaja terbuang data-data anda yang berharga. Proses mengembalikan semula data yang hilang dipanggil sebagai **restore**. Peratusan data yang telah hilang adalah 40/60 peratus untuk didapatkan semula. Malah memerlukan ratusan atau ribuan ringgit untuk mendapatkan semula. Tetapi itu bukan jaminan untuk mendapatkan semua data.

Adakah backup penting? Sudah tentu! Bayangkan foto-foto yang anda telah simpan bertahun-tahun, atau tugas-tugas yang diberi kepada anda sepanjang bekerja, tiba-tiba hilang akibat serangan virus. Bagi sesebuah organisasi, ketiadaan *backup* boleh mengakibatkan kerugian yang amat besar. *Backup* boleh dibuat secara manual, iaitu *copy* dan *paste* sahaja fail-fail anda ke dalam *hard drive* yang lain. Terdapat juga cara yang mudah untuk *backup* satu *partition* atau *hard drive*, contohnya dengan menggunakan perisian seperti *Symantec Ghost* atau *PING (Partimage is Not Ghost)*.

Di mana anda boleh *backup*? Terdapat beberapa medium atau perkakasan yang ada boleh simpan data *backup*. Antaranya seperti *USB Flash Drive* (lebih dikenali sebagai *pendrive*), *External Hard Disk* (cakera keras luaran), *CD*, *DVD*, *Zip Drive* dan sebagainya. Cara-cara bagaimana proses *backup* dilakukan (contoh *USB Flash Drive*):




1. Masukkan *USB Flash Drive* ke dalam *USB Port* (Pelabuhan USB) pada komputer anda.




2. Klik pada *Start>My Computer*. Anda akan lihat *icon drive*(pemacu) bagi *USB Flash Drive*

3. Kecilkan saiz tettingkap yang anda sedang buka supaya apabila proses *backup*, tettingkap tidak bertindih dengan tettingkap yang lain.





4. Seterusnya anda perlu buka lokasi fail atau folder yang anda ingin backup dan lakukan proses *copy* dan *paste* ke dalam *USB Flash Drive*. Pastikan folder backup dibuat supaya anda dapat menyimpannya dalam 1 folder khas.

5. Pastikan semua fail atau folder tersenarai di dalam *USB Flash Drive* selepas proses backup. Ini untuk memastikan semua fail atau folder betul-betul telah dipindahkan ke *USB Flash Drive*.



- Setiap menu mengandungi pelbagai modul yang boleh digunakan bagi perkongsian maklumat.
- Contact dan News merupakan 2 modul yang terdapat di MOH\*Cube.
- Contact list merupakan email yang telah disipan oleh pengguna.



6. Lakukan langkah 4 dan 5 sehingga fail dan folder selesai dipindahkan

Rujukan BPM.KKM Bil 2/2008  
WADAH ICT Kementerian Kesihatan Malaysia



## Aplikasi MOH\*Cube

- Aplikasi MOH\*Cube merupakan salah satu aplikasi Knowledge Management (KM) yang digunakan di KKM.
- Aplikasi ini boleh digunakan oleh semua warga KKM yang mempunyai e-mel MOH\*Cube.
- Terdapat 6 menu dalam aplikasi ini iaitu Desktop, Personal, Community, e-Learning, Direktori Dasar & Info Center.

\*Cara-cara untuk menghapuskan contact email

### Langkah 1 :

Pilih contact email\* di Contact List

### Langkah 2 :


Untuk menghapuskan contact

Email, klik

### Langkah 3 :

Klik 'OK' untuk hapus atau 'CANCEL' untuk batal.

\*Cara-cara untuk menambah contact email



**Langkah 1 :**

Masukkan maklumat untuk Contact Info

**Langkah 2 :**

Masukkan maklumat untuk Contact Number


**Langkah 3 & 4:**

Masukkan maklumat untuk Work / Home Information

**Langkah 5 :**

Masukkan maklumat untuk Personal Information

**Langkah 6 :**

Tekan butang Save 



## IT Skill Assessment And Certification (ISAC)


ICT Skills Assessment and Certification (ISAC) merupakan satu alat bagi menentukan kesediaan personel sektor awam untuk bekerja dalam persekitaran Kerajaan Elektronik. Alat ini direka khas untuk menentukan keperluan persekitaran Malaysia, khususnya sektor awam. Objektif ISAC adalah untuk menilai pengetahuan asas ICT dan kemahiran asas ICT dalam konteks komunikasi dan produktiviti.

Pada 23 – 25 Nov 2010 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah mengadakan peperiksaan ISAC di Labuan bagi kakitangan Hospital dan Kesihatan Awam Labuan bertempat di UMS-KAL.

Seramai 118 kakitangan awam Hospital Labuan telah mendaftar bagi menjalani

peperiksaan ISAC. Jumlah Lulus ISAC adalah seramai 57 orang, 21 orang gagal manakala seramai 40 orang tidak hadir.

Laporan ISAC Hospital Labuan Tahun 2010



## Statistik Keseluruhan Aduan Kerosakan ICT Hospital Labuan Bagi Tahun 2010

Peratus Aduan Kerosakan Mengikut Kategori

- Komputer (Monitor, CPU, Mouse, Keyboard, UPS)
- Pencetak
- Internet (rangkaiannya, port, kabel)
- Sistem Aplikasi (HRMIS, ESPKB, E-Perolehan, MyCPD, CDCIS, COTDS)
- Perisian (MS Word, Excel, Access, Power Point, Windows XP)
- Antivirus (Installation antivirus, virus)
- Lain-lain-speaker

